

CNS0577

U GB 27-04 00192 BH101

BAH

Mahathir - Hukuman

HUKUMAN YANG TIDAK SESUAI DIKAJI SEMULA, KATA PM

GENTING HIGHLANDS, 27 April (Bernama) -- Undang-undang yang hukumannya tidak lagi sesuai dengan keadaan negara pada masa ini akan dikaji semula, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Sebagai contoh, katanya, hukuman denda yang ditetapkan sebelum ini mungkin dianggap tinggi semasa undang-undang itu digubal tetapi selepas negara bertambah makmur, hukuman itu tidak lagi setimpal dengan jenayah yang dilakukan.

"Pada masa undang-undang itu dibuat, mungkin kemakmuran tidak begitu sangat. Jadi kita kenakan hukuman yang lebih rendah. Perkara-perkara semacam ini akan kita betulkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Etika Perniagaan anjuran bersama Kelab Harvard Malaysia dan Permodalan Nasional Berhad (PNB), di sini.

Beliau mengulas pandangan beberapa pihak yang menyatakan jenis hukuman yang diperuntukkan sesetengah undang-undang tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan seperti kesalahan mencuri kasut dihukum lebih berat berbanding jenayah kolar putih yang melibatkan wang berjuta-juta ringgit.

Dr Mahathir berkata, untuk mengetahui sama ada sesuatu undang-undang itu masih lagi sesuai atau tidak pada masa ini, kerajaan memerlukan makluman balas daripada pihak-pihak yang terlibat dengan undang-undang itu. -- Lagi.

07/04/15-20MST

U GB 27-04 00140 BH102

BAH

Mahathir - Hukuman 2 Genting Highlands

Katanya, makluman balas diperlukan kerana kerajaan sendiri kadang kala tidak terlibat secara langsung dengan undang-undang berkenaan.

Ketika ditanya sama ada kerajaan menerima apa-apa cadangan pindaan kepada beberapa undang-undang yang sedia ada, beliau berkata: "Ada juga kita dengar cerita tetapi belum dapat cadangan yang tepat".

"Kadang-kadang kita tidak terlibat (dengan undang-undang itu). Ia melibatkan orang lain yang lebih sedar bahawa undang-undang itu tidak berkesan. Jadi kita kena dapat laporanlah," katanya.

Mengenai kadar jenayah kolar putih di negara ini, Dr Mahathir berkata, keadaannya belum terlalu buruk tetapi sudah ada tanda-tanda yang tidak baik seperti skandal BMF dan contoh-contoh lain dalam Badan-badan Berkanun, kerajaan dan juga swasta.

Katanya, semakin banyak terdapat industri dan perniagaan di negara ini, kejadian jenayah kolar putih juga semakin meningkat. -- Lagi.

▼27/04/15-21MST

U GB 27-04 00168 BH103

BAH

Mahathir - Hukuman 3 (Akhir) Genting Highlands

Ketika ditanya kemungkinan undang-undang yang ada tidak mencukupi untuk mencegah berlakunya jenayah seumpama itu, beliau berkata, soal undang-undang tidak mencukupi tidak timbul tetapi pelaksanaan undang-undang itu yang perlu dipertingkatkan.

Bagaimanapun, katanya, undang-undang seketat mana sekalipun tidak boleh menjamin jenayah tidak berlaku kerana jenayah dilakukan bukan kerana kelemahan undang-undang tetapi ketamakan manusia.

Sehubungan itu, katanya, perkara yang penting dalam membendung perlakuan jenayah ialah sikap masyarakat terhadap jenayah itu sendiri.

Katanya, sekiranya masyarakat menganggap jenayah sesuatu yang amat buruk, kemungkinannya ialah mereka tidak akan melakukan jenayah dan mereka juga akan mengambil tindakan terhadap sesiapa yang melakukannya.

"Tetapi sekarang ini kita dapati ramai tidak mahu campurtangan. Kalau jenayah dilakukan seseorang, kita bersikap berkecuali. Ini menunjukkan bahawa pegangan kita kepada nilai murni tidak ada," katanya.

Katanya, keengganan masyarakat memberi maklumat dan sikap tidak sanggup menjadi saksi kepada sesuatu perlakuan jenayah merupakan faktor penghalang terhadap usaha kerajaan membanteras jenayah. -- Bernama.

AH KAM.

▼27/04/15-22MST